



Rujukan Kami: KK/eP(S) 10/656 / 6
Jld.4 (s.k.7)(4)

Tarikh : 28 Jun 2011
26 Rejab 1432H

SENARAI SEPERTI DI EDARAN

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

KEMUDAHAN CAPAIAN MAKLUMAT PEROLEHAN YANG TELAH DILAKSANAKAN MELALUI SISTEM ePEROLEHAN (eP)

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Arahan Perbendaharaan (AP) 169.1 menetapkan bahawa setiap pegawai yang menguruskan perolehan hendaklah membuat kajian pasaran supaya perolehan yang akan dilaksanakan adalah sesuai, berpatutan dan menguntungkan. Kajian hendaklah mengambil kira aspek kualiti, harga, penggunaan, kos penyelenggaraan dan faktor-faktor lain yang berkaitan.
3. Bagi membantu Agensi membuat kajian pasaran berkenaan, kemudahan capaian maklumat perolehan secara Sebut Harga, Tender atau *eBidding* yang telah dilaksanakan melalui sistem eP telah disediakan di bawah modul Kajian Pasaran. Agensi boleh mencapai maklumat spesifikasi tawaran dan harga sebagaimana yang telah dikunci masuk/muat naik oleh Agensi dan pembekal berkenaan sebagai rujukan dan panduan dalam membuat perolehan bekalan/perkhidmatan yang berkaitan.
4. Agensi perlu mengemukakan permohonan secara rasmi untuk mendapatkan akaun pengguna (ID Log Masuk dan Kata laluan) bagi capaian maklumat tersebut.
5. Untuk makluman, capaian kepada maklumat ini merupakan tanggungjawab Agensi dan ia boleh dirujuk pada Garis Panduan Kemudahan Capaian Maklumat Perolehan Yang Telah Dilaksanakan Melalui Sistem eP seperti di **Lampiran 1**.

6. Sekiranya pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan mempunyai sebarang pertanyaan lanjut, boleh merujuk kepada Unit eP seperti berikut:

Unit ePerolehan
Kementerian Kewangan
Aras 1, Blok Helang,
Kompleks Pejabat & Villa,
Cyberview Gardens,
63000 Cyberjaya, Selangor.
(u.p ; Pentadbir Kajian Pasaran)

No. Tel : 03 – 83127270

No. Faks : 03 – 83127271

e-Mel : kajian-pasaran@eperolehan.gov.my

7. Kemudahan ini boleh diguna pakai mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' ABD. SHUKOR BIN IBRAHIM)

Pengarah Projek ePerolehan
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

s.k.:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (P)

Setiausaha Bahagian Perolehan Kerajaan

Ketua Audit Negara

Jabatan Audit Negara

No. 15, Aras 1-5

Persiaran Perdana, Presint 2

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62518 Putrajaya

Akauntan Negara Malaysia

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Kompleks Kementerian Kewangan

No. 1 Persiaran Perdana, Presint 2

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62594 Putrajaya

Semua Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)

Semua Badan Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

EDARAN:

Ketua Setiausaha Negara
Jabatan Perdana Menteri,
Aras 4 Timur, Bangunan Perdana Putra,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 **PUTRAJAYA.**

Ketua setiausaha
Kementerian kewangan, kompleks kementerian
Kewangan, no 5 persiaran perdana, presint 2,
Pusat pentadbiran kerajaan persekutuan,
62592 putrajaya

Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran,
Aras 8, Blok E8, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604 **PUTRAJAYA.**

Ketua Setiausaha
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi,
Aras 6, Blok C5, Parcel C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan,
62502 **PUTRAJAYA.**

Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar,
Tingkat 17, Lot 4G3, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62574 **PUTRAJAYA.**

Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan,
Tingkat 22, Pusat Dagangan Dunia Putra,
Jalan Tun Ismail,
50694 **KUALA LUMPUR.**

Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia,
Wisma Tani, Aras 15,
Lot 4G1, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62624 **PUTRAJAYA.**

Ketua Setiausaha
Kementerian Pertahanan,
Jalan Padang Tembak,
50634 **KUALA LUMPUR.**

Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya,
Jalan Sultan Salahuddin,
50580 **KUALA LUMPUR.**

Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
62590 **PUTRAJAYA.**

Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan,
Menara KBS,
Aras 15, Lot 4G4, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62570 **PUTRAJAYA.**

Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Manusia,
Aras 9, Blok D3, Parcel D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 **PUTRAJAYA.**

Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan,
Aras 11, Lot 2G3, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62623 **PUTRAJAYA.**

Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan,
Aras 7, Parcel D5, Parcel D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62505 **PUTRAJAYA.**

Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,
Aras 1-6, Blok E, Kompleks Kerajaan Bukit Perdana,
Jalan Dato' Onn,
50515 **KUALA LUMPUR.**

Ketua Setiausaha
Kementerian Luar Negeri,
Wisma Putra, No. 1,
Jalan Wisma Putra, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 **PUTRAJAYA**.

Ketua Setiausaha,
Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar,
Tkt.4, Blok B2, Menara PJH,
62592 **PUTRAJAYA**.

Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan,
Blok K, Aras 5 Utama,
Pusat Bandar Damansara,
50782 **KUALA LUMPUR**.

Ketua Setiausaha,
Kementerian Dalam Negeri,
Blok D1, Tingkat 3,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 **PUTRAJAYA**.

Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri,
Blok 10, Tkt. 15, Kompleks Pejabat-pejabat Kerajaan,
Jalan Duta,
50622 **KUALA LUMPUR**.

Ketua Setiausaha
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi,
Aras 10, Lot 2G4, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62623 **PUTRAJAYA**.

Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi,
Aras 6, Blok E3, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62505 **PUTRAJAYA**.

Ketua Setiausaha
Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air
BLOK E4/5, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62668 **PUTRAJAYA**.

Ketua Setiausaha
Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan
Aras 1, Bangunan Sultan Abdul Samad,
Jalan Raja,
50506 **KUALA LUMPUR**.

Ketua Setiausaha
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah,
Aras 9, Blok D9, Parcel D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 **PUTRAJAYA**.

GARIS PANDUAN KEMUDAHAN CAPAIAN MAKLUMAT PEROLEHAN YANG TELAH DILAKSANAKAN MELALUI SISTEM ePEROLEHAN (eP)

1. TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan kemudahan capaian maklumat perolehan yang telah dilaksanakan melalui sistem eP.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Dasar perolehan Kerajaan semasa telah menetapkan bahawa kajian pasaran perlu dibuat oleh Agensi sebelum sesuatu perolehan dilaksanakan.
- 2.2 Salah satu kaedah kajian pasaran adalah melalui maklumat perolehan yang telah dilaksanakan oleh Agensi. Dalam konteks ini, sistem eP menyediakan kemudahan berkenaan melalui modul Kajian Pasaran untuk capaian maklumat perolehan secara sebut harga/tender/*eBidding* bagi bekalan/perkhidmatan yang dimuktamadkan keputusannya dan telah disetujui terima oleh pembekal.
- 2.3 Agensi boleh mencapai maklumat spesifikasi tawaran dan harga sebagaimana yang telah dikunci masuk/muat naik oleh Agensi dan pembekal berkenaan sebagai panduan dalam membuat perolehan bekalan/perkhidmatan yang berkaitan.

3. AGENSI YANG LAYAK MEMOHON

- 3.1 Permohonan capaian ke modul ini adalah terbuka di kalangan Agensi berikut:
- 3.1.1 Kementerian/Jabatan;
 - 3.1.2 Kerajaan Negeri;
 - 3.1.3 Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC);
 - 3.1.4 Badan Berkanun; dan
 - 3.1.5 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- 3.2 Pemohon daripada Agensi seperti yang disenaraikan di para 3.1 mestilah terlibat dengan aktiviti perolehan bekalan/perkhidmatan.

4. CARA MEMOHON

- 4.1 Permohonan secara rasmi hendaklah dibuat melalui **Borang Permohonan Capaian Modul Kajian Pasaran** seperti di **Apendiks A**. Borang tersebut juga boleh dimuat turun melalui portal rasmi ePerolehan.
- 4.2 Borang permohonan yang telah lengkap diisi beserta salinan Kad Pengenalan yang disahkan oleh Ketua Agensi hendaklah dikemukakan secara e-mel/faks/pos ke Unit ePerolehan, Kementerian Kewangan untuk diproses. Penyerahan permohonan melalui e-mel adalah menjadi keutamaan.
- 4.3 Pemohon digalakkan untuk menggunakan alamat e-mel rasmi Agensi masing-masing di dalam borang permohonan. Permohonan yang tidak menggunakan alamat e-mel rasmi Kerajaan seperti *Yahoo, Hotmail, Gmail* dan sebagainya adalah tidak dibenarkan.

5. BAYARAN

- 5.1 Tiada bayaran dikenakan ke atas permohonan yang dibuat.

6. NOTIFIKASI KEPUTUSAN PERMOHONAN

- 6.1 Akaun pengguna (ID Log Masuk dan Kata laluan) bagi capaian Modul Kajian Pasaran akan diwujudkan bagi permohonan yang berjaya.
- 6.2 Maklumat akaun pengguna akan diserahkan melalui e-mel kepada pemohon seperti dinyatakan di para 4.2. Sekiranya pemohon mengalami masalah menerima e-mel daripada Kementerian Kewangan, sila semak *Junk Email Folder* atau *Spam Filter Setting*.
- 6.3 Sekiranya alamat e-mel tidak disertakan, pemohon akan dimaklumkan melalui surat rasmi yang akan diposkan ke Agensi masing-masing.
- 6.4 Permohonan akan diproses dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh penerimaan borang permohonan. Sekiranya tiada maklum balas diterima dalam tempoh 21 hari daripada tarikh permohonan dibuat, permohonan adalah dianggap tidak berjaya dan permohonan baru boleh dikemukakan.

7. TANGGUNGJAWAB PENGGUNA DAN KETUA AGENSI

- 7.1 Pengguna hendaklah menukar kata laluan yang diberikan untuk menjaga kerahsiaan dan mengelak kebocoran maklumat.

- 7.2 Jika tiada sebarang capaian/aktiviti dalam tempoh 6 bulan, akaun pengguna akan dihapuskan secara automatik dan pengguna boleh membuat permohonan semula.
- 7.3 Sekiranya pengguna terlupa kata laluan, pengguna boleh menghubungi Unit ePerolehan, Kementerian Kewangan melalui e-mel.
- 7.4 Capaian kepada maklumat perolehan di dalam sistem eP merupakan tanggungjawab pengguna dan tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi 1972. Pengguna yang menyalahgunakan maklumat boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut peraturan sedia ada.
- 7.5 Ketua Agensi/Pengguna hendaklah memaklumkan kepada Unit ePerolehan, Kementerian Kewangan sekiranya pengguna berkenaan telah tidak lagi terlibat dalam aktiviti perolehan, bertukar Jabatan/Agensi lain, bersara, berhenti atau sebagainya.

8. ALIRAN PROSES KEMUDAHAN CAPAIAN MODUL KAJIAN PASARAN

- 8.1 Aliran proses bagi kemudahan capaian modul Kajian Pasaran adalah seperti di **Apendiks B**.

9. MANUAL PENGGUNA

- 9.1 Manual Pengguna bagi modul Kajian Pasaran boleh dimuat turun daripada portal rasmi ePerolehan (www.eperolehan.gov.my).

10. PERTANYAAN DAN BANTUAN

- 10.1 Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan melalui :-

E-mel : kajian-pasaran@eperolehan.gov.my
Telefon : 03 - 8312 7270 sambungan: 7391 / 7252 / 7198
Faks : 03 - 8312 7271
Alamat : Unit ePerolehan
Kementerian Kewangan
Aras 1, Blok Helang, Kompleks Pejabat & Villa,
Cyberview Gardens,
63000 Cyberjaya, Selangor.
(u.p.: Pentadbir Kajian Pasaran)

**ALIRAN PROSES KEMUDAHAN CAPAIAN
MODUL KAJIAN PASARAN**